

Nama: _____ Tarikh: _____

 Tekan ikon  untuk mendengar dan membaca semula petikan pemahaman mudah.

 Jawab soalan-soalan pemahaman.



Penyedut hampagas robotik

Ini penyedut hampagas robotik. Penyedut hampagas robotik ini merupakan sejenis robot. Robot ini dicipta dan direka khas untuk membantu manusia membersihkan lantai di rumah. Robot ini dapat meringankan beban kerja manusia yang semakin sibuk pada masa kini. Robot ini berfungsi sendiri tanpa memerlukan tindakan manusia. Robot ini bekerja dengan mengimbas kawasan lantai dan membersihkan lantai rumah secara automatik. Sesetengah model berupaya untuk mengosongkan beg habuk sendiri serta pergi ke dok mengecas sendiri apabila bateri mulai lemah. Walau bagaimanapun, robot ini tidak mampu dimiliki oleh semua keluarga kerana harganya mahal.

 Jawab soalan-soalan berikut:

1. Mengapakah robot ini dicipta dan direka?

2. Robot ini memerlukan tindakan manusia untuk berfungsi?

3. Bagaimanakah robot ini bekerja?

4. Kenapa robot ini tidak mampu dimiliki oleh semua keluarga?